



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	MUKA SURAT	:	35
TARIKH	:	3/9/2018			
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kenduri gajah jadi tumpuan

Dijamu sempena hari gajah sedunia

ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH



HAIRI

Lukimala dan Eli antara dua gajah yang menarik perhatian pengunjung sempena sambutan Hari Gajah Sedunia 2018 di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Langkang semalam.

Lukimala, gajah paling tua dari India berusia 81 tahun manakala Eli adalah anak gajah berusia dua tahun pada program Kenduri Gajah

di pusat latihan haiwan itu.

Lukimala adalah penghuni pertama di pusat itu yang dibuka pada 1989 dan Eli baru sahaja ditempatkan di pusat tersebut pada Mac lalu selepas ditemui cedera di Jeli, Kelantan.

Akibatnya, anak gajah itu kudung kaki depan di bahagian kanan.

Antara makanan yang dijamu ialah rumput, tembikai dan dua tan tebu sumbangan pihak swasta.



Kenduri gajah antara aktiviti yang dijalankan sempena sambutan tersebut di pusat terbabit semalam.

Simbolik perasmian disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir

Abu Kassim.

Kira-kira 2,000 pengunjung termasuk daripada luar negara membanjiri pusat berkenaan sempena sambutan itu yang berlangsung setiap tahun.

Selain pameran, ceramah, tayangan video, pertandingan mewarna, kuiz turut diadakan bagi memeriahkan lagi sambutannya.

Sementara itu, pengunjung turut teruja beri-

kutan berpeluang melihat haiwan tersebut.

Bagi juruteknik, Norashikin Muhamad, 30, teruja kerana dapat melihat sendiri haiwan terbabit buat julung kalinya.

Norashikin yang datang bersama beberapa ahli keluarganya mengetahui mengenai sambutan itu menerusi aplikasi *WhatsApp*.

"Tak sangka dapat tengok sendiri gajah sebanyak ini dan bukan senang nak lihat haiwan ini secara dekat," katanya.

Reaksi sama oleh Hairi Yusof, 45 yang datang dari Putrajaya bersama keluarganya kerana tidak mahu melepaskan peluang tersebut menyaksikan haiwan tersebut.

Menurutnya rugi jika tidak datang ke program itu selain menimbulkan kesedaran terhadap dirinya berikutan ancaman yang dihadapi haiwan itu.